HEBAHAN – CEK YANG TIDAK DITUNTUT DARI TAHUN 2019 SEHINGGA 2020

Setakat 28 Oktober 2021, Majlis Bandaraya Petaling Jaya mempunyai 306 cek bernilai RM524,382.12 yang tidak ditunaikan dari tempoh 1 Januari 2019 sehingga 30 November 2020. Cek-cek tidak ditunaikan ini merupakan bayaran yang telah dikeluarkan oleh Majlis kepada individu, syarikat dan sebagainya bagi bayaran sumbangan, komisyen, pengembalian cagaran dan sebagainya.

Senarai cek yang tidak ditunaikan adalah seperti di lampiran.

Oleh itu, Majlis membuat hebahan supaya penerima cek yang tidak ditunaikan boleh menyemak dan seterusnya membuat tuntutan daripada Majlis **sehingga 31 Disember 2021 sahaja**. Selepas 31 Disember 2021, jumlah cek yang masih tidak dituntut akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Tuan/Puan boleh membuat permohonan tuntutan dengan menggunakan format surat permohonan seperti di Lampiran A di bawah.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Puan Nor Azzira dan Puan Zurina di talian 03-79563544 ext 211/215/216

Sekian, terima kasih.

JABATAN PERBENDAHARAAN
28 OKTOBER 2021

Lampiran A

……
……
……

(Nama individu / letterhead syarikat/persatuan beserta alamat)

Bahagian Perbelanjaan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

……
(tarikh)

Puan,

PERMOHONAN CEK GANTIAN / BAYARAN MELALUI ELEKTRONIK FUND TRANSFER (EFT)

Berhubung dengan perkara di atas, saya/ kami ingin membuat permohonan cek gantian seperti berikut kerana ……..
…… (Sebab-sebab cek tidak ditunaikan)

Bil.	No. Cek	Tarikh Cek	Amaun Cek (RM)	Butiran Bayaran
1				
2				
3				
4				
5				
JUMLAH (RM)				

2. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

a. Salinan kad pengenalan (bagi individu);
b. Salinan no. pendaftaran syarikat;
c. Salinan no. akaun bank / penyata bank individu / syarikat;
d. Nama bank.

PERMOHONAN CEK GANTIAN / BAYARAN MELALUI ELEKTRONIK FUND TRANSFER (EFT)

3. Saya/kami memilih supaya Majlis mengeluarkan cek ganti / bayaran melalui pindahan elektronik ke akaun saya/kami seperti di atas. (potong mana yang tidak berkenaan)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

…….

Nama :
No. Kad Pengenalan :
No. Telefon :
Tarikh :